



GARIS PANDUAN BANTUAN KEWANGAN BAHAN PENYELIDIKAN TAHUN 2014

MPU Bil.20/2010 pada 27 September 2010 telah meluluskan kemudahan bantuan kewangan bahan penyelidikan. Peruntukan bantuan kewangan bahan penyelidikan masih dikekalkan dan MPU Bil. 6/2014 pada 8 April 2014 telah meluluskan agihan peruntukan Bantuan Kewangan Bahan Penyelidikan bagi tahun 2014 dengan beberapa pindaan dari segi syarat kelayakan dan kadar bantuan.

1.0 SYARAT KELAYAKAN

- 1.1 Penyelia/Penyelidik yang mencapai KPI penerbitan iaitu sekurang-kurangnya empat (4) jumlah penerbitan dalam jurnal terindeks pada tahun 2013;
- 1.2 Pelajar yang diselia adalah pelajar Doktor Falsafah secara tesis (sepenuh masa) dan tempoh pengajian tidak melebihi 7 semester (pelajar yang mendaftar pada semester 2 sesi 2010/2011);
- 1.3 Peruntukan diberi kepada Penyelia/Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan bersama kod bahan penyelidikan berdasarkan jumlah penyeliaan pelajar siswazah di bawah seliaannya;
- 1.4 Peruntukan Bantuan Kewangan Bahan Penyelidikan yang diagihkan kepada penyelia adalah tidak melebihi RM 15,000 setahun tertakluk kepada jumlah sebenar pelajar (tempatan / antarabangsa).

2.0 KADAR BANTUAN

- 2.1 RM1500/bagi dua (2) semester pengajian/tahun bagi penyeliaan pelajar PhD tempatan;
- 2.2 RM1000/bagi dua (2) semester pengajian/tahun bagi penyeliaan pelajar PhD antarabangsa;

3.0 PENGURUSAN PERBELANJAAN

- 3.1 Penyelia utama hendaklah mengemukakan tuntutan perbelanjaan kepada Jabatan Bendahari mengikut garis panduan yang ditetapkan.
- 3.2 Pembelian aset / inventori perlu mengikut prosedur universiti dan dilaksanakan dengan teratur. Setiap aset / inventori perlu dikawal dengan baik dari segi rekod dan dilabel Hak Kerajaan Malaysia dan No. Siri Pendaftaran;
- 3.3 Setiap aset perlu dikembalikan kepada pihak RMC universiti setelah selesai projek penyelidikan tersebut atau penyelidik cuti belajar. Ini termasuklah laptop, kamera, ipad, smartpone, printer, projektor serta lain-lain peralatan penyelidikan;
- 3.4 Sebarang tuntutan perbelanjaan pembelian aset daripada penyelia utama hendaklah mengikut garis panduan yang ditetapkan. Surat permohonan dan salinan pesanan rasmi perlu dimajukan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi untuk kelulusan;
- 3.5 Penyelia bertanggungjawab memastikan status kelayakan pelajar yang layak menerima bantuan penyelidikan seperti yang ditetapkan oleh Universiti;
- 3.6 Penyelia bertanggungjawab menyediakan laporan perbelanjaan bahan penyelidikan sebelum 31 Disember 2014;

4.0 PENGGUNAAN BANTUAN BAHAN PENYELIDIKAN

- 5.1 Bahan kimia;
- 5.2 Bahan penyelidikan;
- 5.3 Artikel;
- 5.4 Data mentah;
- 5.5 Perisian (tidak lebih dari RM10,000);
- 5.6 Kerja lapangan tertakluk kepada kelayakan calon;
- 5.7 Enumerator / pembantu penyelidik di lapangan sebanyak RM30 tertakluk kepada kelayakan;

- 5.8 Penterjemah / Penyuntingan (Bayaran terjemahan / penyuntingan artikel untuk rujukan penyelidikan);
- 5.9 Sagu hati kepada responden kajian;
- 5.10 Sagu hati sebanyak RM5 bagi setiap kemasukan data responden/per responden;
- 5.11 Mesin pencetak.